

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Golf Master?

Polisi Golf Master ini menyediakan pampasan atas kematian atau hilang upaya kekal orang yang diinsuranskan yang disebabkan oleh kejadian luaran yang ganas, tidak sengaja, dan nyata. Selain itu, polisi ini menyediakan perlindungan untuk 1) kerugian atau kerosakan ke atas kayu golf, penyorong beg dan aksesori-aksesori ketika berada di dalam sebarang bangunan atau dalam transit dan 2) kerugian ke atas barangan peribadi (tidak termasuk jam tangan, barang kemas, barang perhiasan, wang, sekuriti atau setem) semasa berada dalam mana-mana premis kelab golf, disebabkan oleh kebakaran atau kecurian, tertakluk kepada pelan yang dipilih dan dalam had wilayah yang dinyatakan. Selanjutnya, ia juga memberikan faedah untuk menjaringkan lubang dalam satu, tertakluk kepada terma dan syarat polisi.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM107.00 setahun, anda menerima perlindungan berikut di bawah pelan Eagle:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
Liabiliti Awam : RM500,000 Perlindungan Kemalangan Diri Kematian dan Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan : RM25,000 Kehilangan atau Kerosakan akibat Kebakaran dan Kecurian* Kayu golf, beg dan peralatan golf : RM2,500 / RM4,000 Barang-barang persendirian : RM1,000 / RM1,500 Pukulan Terus ke Lubang* Hari biasa : RM250 / RM500 Semasa pertandingan : RM1,000 / RM1,500 *Bergantung kepada pelan yang dipilih	- Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana kejadian berikut, khususnya; Gempa bumi, letusan gunung berapi, perang, serangan, tindakan-tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, mogok, rusuhan, kekacauan awam, kuasa tentera atau rebutan kuasa, nuklear, letupan, perampasan atau pemilik kenegaraan ke atas atau pemusnahan ke atas harta oleh atau atas perintah mana-mana kerajaan atau awam atau pihak berkuasa tempatan; - Apa-apa kemalangan atau kerosakan ekoran atau berpunca daripada sebarang kerugian turutan; - Sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh sinaran pengion atau pencemaran radioaktiviti daripada mana-mana aktiviti bahan api nuklear atau sisa daripada pembakaran bahan api nuclear; - Apa-apa kemalangan atau kerosakan atau liabiliti yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bahan-bahan senjata nuklear; - Haus dan lusuh.
Dengan membayar premium tambahan , anda boleh memperluaskan perlindungan dengan menambah Manfaat Pilihan seperti Pematahan Kayu Golf.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	
Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/golfmaster-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini, anda mesti membayar premium:	
Perlindungan Asas	RM107.00 setahun
Perlindungan Tambahan – Pematahan Kayu Golf	RM25.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM132.00 .	
Di mana ini termasuk:	
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium atau RM33.00
Pemegang polisi induk perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Caj Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM10.56
Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	

4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur hingga lima puluh sembilan (59) tahun. Orang Yang Diinsuranskan juga termasuk seorang pasangan yang sah yang berumur di bawah enam puluh (60) tahun dan anak/anak-anak yang berumur di bawah dua puluh satu (21) tahun.
- Waranti Premium – Premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari polisi/pengendorsan/pembaharuan berkuat kuasa, jika gagal polisi akan terbatal secara automatik.
- Semua tuntutan mestilah diberikan secara bertulis kepada Allianz dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kemalangan/kehilangan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Allianz. Pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut, mana-mana terkemudian.